

Bekas PM diminta tak bertanding

BH - 29/8/2006
CHANGLUN: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad diminta menarik diri daripada bertanding sebagai perwakilan Umno Bahagian Kubang Pasu untuk ke perhimpunan agung parti itu, November ini.

Permintaan itu yang diasaskan kepada menjaga martabat Dr Mahathir sebagai bekas Perdana Menteri, Presiden Umno dan Ketua Umno Bahagian Kubang Pasu, disuarakan wakil 32 cawangan Umno bahagian berkenaan di sini, malam kelmarin.

Setiausaha Umno Zon Temin, Mohd Yusof Jamaludin, berkata Dr Mahathir mempunyai dua pilihan iaitu menarik diri daripada pertandingan itu atau mereka tidak menjamin kemenangan beliau jika terus bertanding.

Mohd Yusof yang bertindak sebagai jurucakap ketua dan ahli jawatankuasa Umno cawangan berkenaan berkata, Dr Mahathir boleh menggunakan cara lain untuk berucap pada perhimpunan agung, termasuk memohon melalui surat kepada Setiausaha Agung Umno.

Beliau yang juga Ketua Umno Cawangan Kampung Belukar/Bendang Ceruk berkata, keputusan meminta Dr Mahathir menarik diri daripada bertanding dicapai dalam mesyuarat ketua cawangan dan ahli jawatankuasa cawangan Umno dalam zon Laka dan Temin.